



TARIKH	13/2/2014	MUKASURAT	B 12
HARI	KHAMIS	RUANGAN	Portfolio

FBM KLCI ditutup tinggi

» *Minat belian lewat saham perladangan akhiri 1,825.64 mata*

FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) ditutup tinggi semalam dengan minat belian lewat dalam saham perladangan.

FBM KLCI naik 1.47 mata untuk berakhir pada 1,825.64 mata selepas bergerak antara 1,821.75 dan 1,826.73 sepanjang hari.

Kaunter perladangan, Kuala Lumpur Kepong dan Genting Plantations, mendahului saham untung, menambah 42 sen dan 40 sen setiap satu, masing-masing kepada RM24.22 dan RM10.60.

"Kenaikan berkenaan, bagaima-

napun terhad oleh kerugian dalam saham kewangan seperti Hong Leong Capital Bhd dan Public Bank," katanya.

Indeks Kewangan susut 35.92 mata kepada 16,628.42.

Indeks Perladangan melonjak 84.88 mata kepada 8,601.59 mata, manakala Indeks Perusahaan meningkat 14.23 mata kepada 3,103.77 mata.

Indeks FBM Emas naik 17.36 mata kepada 12,610.5, Indeks FBMT100 meningkat 15.1 mata kepada 12,305.94, FBM 70 menambah 37.24 mata kepada 13,846.56 dan FBM Ace menokok 124.5 mata kepada 6,257.11 mata.

Pasaran dalam lingkungan positif selepas saham untung mengatasi rugi pada 421 berbanding 398, manakala 320 kaunter tidak berubah, 467

tidak didagangkan dan 18 yang lain digantung.

Jumlah dagangan susut kepada 2.47 bilion saham bernilai RM2 bilion berbanding 2.71 bilion saham bernilai RM2.34 bilion kelmarin.

Antara kaunter aktif, PDZ Holdings menambah 2.5 sen kepada 15.5 sen, Iris Corp menokok lima sen kepada 50 sen, manakala Frontken meningkat setengah sen kepada 11.5 sen.

Minetech Resources susut satu sen kepada 30.5 sen.

Saham wajaran tinggi, Maybank turun dua sen kepada RM9.80, CIMB susut empat sen kepada RM7.19 dan Axiata kurang satu sen kepada RM6.55.

TNB naik enam sen kepada RM11.86.

Jumlah dagangan pasaran utama berkurangan kepada 1.91 bilion unit



bernilai RM1.82 bilion berbanding 2.21 bilion unit bernilai RM2.23 bilion kelmarin.

Di pasaran ACE, jumlah dagangan meningkat kepada 520.75 juta saham bernilai RM173.22 juta berbanding 470.81 juta saham bernilai RM102.88 juta kelmarin.

Waran naik kepada 31.19 juta unit bernilai RM3.34 juta berbanding 25.81 juta unit bernilai RM3.32 juta sebelumnya.

Barangan pengguna menyumbang 177.85 juta saham didagangkan di Pasaran Utama, barangan perusahaan 375.19 juta, pembinaan 88.75 juta, dagangan dan perkhidmatan 786.99 juta, teknologi 36.63 juta, infrastruktur 30.49 juta, SPAC 167.56 juta, kewangan 27.67 juta, hotel 761,400, hartanah 180.04 juta, perladangan 23.73 juta, perlombongan 38,300, REIT 12.85 juta dan tertutup/dana 39,000. **BERNAMA**